# SEKTOR R&D DAN MAKMAL-MAKMAL UJIAN

## Merangkumi

- Penyelidikan/Pengujian
- Perkhidmatan analitikal
- Audit
- Kerja Penyelenggaraan
- Kalibrasi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap / Catatan

- Akta 342 dan undang-undang semasa
- Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi** | **8.30 pagi – 5.30 petang** | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | **8.30 pagi – 5.30 petang** | **Kapasiti Pekerja** | **100%** |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| Protokol pencegahan penyakit dan sekatan | Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia. |
| Saringan Kesihatan | • Menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* atau *infrared forehead thermometer*.<br>• Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas setiap hari.<br>• Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.<br>• Kakitangan yang mempunyai suhu melebihi 37.5 celcius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selsema, susah bernafas tidak dibenarkan masuk ke premis untuk bertugas. |
| Laporan kesihatan | • Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5° *celcius* atau menunjukkan sebarang gejala hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.<br>• Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat. |

# SEKTOR R&D DAN MAKMAL-MAKMAL UJIAN

## Merangkumi

- Penyelidikan/Pengujian
- Perkhidmatan analitikal
- Audit
- Kerja Penyelenggaraan
- Kalibrasi

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap / Catatan

- Akta 342 dan undang-undang semasa
- Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.

**Waktu Beroperasi**: **8.30 pagi – 5.30 petang**

**Waktu Kehadiran Pelanggan**: **8.30 pagi – 5.30 petang**

**Kapasiti Pekerja**: **100%**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| Pembersihan dan nyahkuman premis | Institusi Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Agensi, Jabatan dan Syarikat perlu:<br>• memastikan proses pembersihan dan nyahkuman dilaksanakan sebelum dan selepas aktiviti kerja seharian; dan<br>• menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk, ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum (*common area*). |
| Penjarakan sosial dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja | • Pemakaian pelitup muka oleh setiap pekerja di ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum (*common area*) adalah diwajibkan.<br>• Memastikan garis panduan penjarakan fizikal disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan dilaksanakan khususnya di ruang makmal/kerja. |
| Aplikasi MySejahtera | • Pekerja dan pelanggan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat.<br>• Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau melalui aplikasi MySejahtera. |